




### NOTA PENTING:

Helaian Penerangan Produk menyediakan beberapa maklumat penting yang perlu anda pertimbangkan sebelum anda serta sijil takaful perubatan terbaik yang memenuhi keperluan anda. Anda perlu membaca Sijil dengan teliti untuk mendapatkan butiran penuh tentang perlindungan anda.

### KETAHUI LEBIH

#### LANJUT



## Langkah 1

### Adakah sijil takaful ini tepat untuk anda?

Sijil takaful ini melindungi penghospitalan dan perbelanjaan pembedahan ("H&S") yang berlaku akibat penyakit yang dilindungi di bawah sijil sehingga 85 tahun hari lahir akan datang ("ANB").

Caruman takaful anda akan digabungkan dengan caruman peserta takaful yang lain untuk membayar tuntutan. Sekiranya jumlah tuntutan yang dibayar dari Tabung Takaful adalah tinggi, caruman takaful bagi setiap peserta dalam Tabung Takaful yang sama mungkin dinaikkan, termasuk caruman takaful anda **walaupun anda tidak membuat tuntutan**.

## Langkah 2

### Adakah ia memenuhi keperluan anda?

#### Apakah yang dilindungi?

- ✓ Bilik & Penginapan Hospital : RM[Bilik & Penginapan pilihan anda]
- ✓ Perbelanjaan Pembedahan : Seperti yang dicaj, tertakluk kepada [5/10]% Ko-Takaful sehingga RM[500/1,000], bagi setiap tahun sijil
- ✓ Rawatan Kanser Pesakit Luar : Seperti yang dicaj  
Rawatan Dialisis Buah Pinggang Pesakit Luar : Seperti yang dicaj

Manfaat yang dibayar adalah atas dasar tanpa tunai dan tertakluk kepada:

- ✓ Had tahunan : RM[Had tahunan]
- ✓ Had seumur hidup : Tiada had seumur hidup

#### Apakah yang tidak dilindungi?

- ✗ Sebarang tuntutan akibat penyakit sedia ada.
- ✗ Sebarang tuntutan yang disebabkan oleh penyakit tertentu yang berlaku dalam tempoh 120 hari pertama perlindungan berterusan.
- ✗ Kehamilan atau melahirkan anak.
- ✗ Sebarang jagaan atau rawatan perubatan yang diterima terutamanya untuk tujuan eksperimen atau siasatan.



**Senarai di atas adalah tidak lengkap.** Untuk maklumat lanjut, sila rujuk kepada Lampiran dengan mengimbas kod QR di atas dan rujuk kepada Sijil bagi maklumat penuh mengenai apakah yang dilindungi dan tidak dilindungi.

## Langkah 3

### Bolehkah anda menampung peningkatan caruman takaful dari semasa ke semasa?

Jadual Unjuran Caruman Takaful

Umur	Caruman takaful [bulan/tahun] semasa pada umur dicapai (RM)	Jangkaan caruman takaful [bulan/tahun]		Untuk jangka masa panjang, anda boleh mengurangkan caruman takaful yang perlu dibayar dengan memilih pelan yang mempunyai: a) Ko-Takaful yang lebih tinggi; atau b) Had tahunan yang lebih rendah.
		Berdasarkan inflasi perubatan tahunan <sup>1</sup> 7% (RM)	Berdasarkan inflasi perubatan tahunan 10% (RM)	
[umur]	[caruman anda]	-	-	
[umur]	[caruman anda]	[a]	[b]	
[umur]	[caruman anda]	[a]	[b]	
[umur]	[caruman anda]	[a]	[b]	
[umur]	[caruman anda]	[a]	[b]	

[Caruman takaful akan bergantung kepada umur dicapai anak anda/ anda dan pelan pilihan. Sila rujuk kepada jadual caruman takaful dalam Lampiran.]

[a] Dengan andaian caruman takaful anda meningkat sebanyak 7% setiap tahun disebabkan oleh inflasi perubatan.

[b] Dengan andaian caruman takaful anda meningkat sebanyak 10% setiap tahun disebabkan oleh inflasi perubatan.

- Unjuran di atas adalah hanya **untuk tujuan ilustrasi sahaja**.

# Helaian Penerangan Produk myMediShare



- Caruman takaful dipengaruhi oleh peningkatan kos rawatan dan peningkatan penggunaan perkhidmatan penjagaan kesihatan oleh peserta takaful. Ini boleh menyebabkan kadar inflasi perubatan sebenar menjadi lebih tinggi atau lebih rendah daripada ilustrasi di atas. Kami sedang melaksanakan langkah-langkah pembendungan kos yang perlu dengan kerjasama pihak berkepentingan lain untuk menguruskan peningkatan caruman takaful dari semasa ke semasa.
- Sejumlah caruman takaful akan digunakan untuk bayaran tuntutan. Secara purata industri, bagi setiap RM1.00 daripada caruman takaful yang dibayar, RM0.72<sup>2</sup> diperuntukkan untuk membayar tuntutan. Selebihnya digunakan untuk membayar perbelanjaan pentadbiran dan keuntungan pengendali-pengendali takaful.

<sup>1</sup> Ini adalah peningkatan dalam purata kos rawatan dari tahun ke tahun yang dikeluarkan oleh hospital kepada industri insurans dan takaful dari tahun 2020 hingga 2023.

<sup>2</sup> Ini adalah berdasarkan purata data industri insurans dan takaful dari tahun 2021 hingga 2023. Pengalaman sebenar produk yang anda beli mungkin berbeza daripada purata industri.



**Sekarang:** Caruman takaful adalah mencukupi bagi tujuan Tuntutan dan Lain-lain.

**Masa Hadapan:** Berikutan inflasi perubatan, caruman takaful mungkin tidak mencukupi bagi tujuan Tuntutan dan Lain-lain.

\*Lain-lain termasuk komisen (sekiranya terpakai), yuran pengurusan dan keuntungan.

Nota: Carta ini tidak dilukis mengikut skala.

## Langkah 4

### Apakah perkara lain yang anda perlu beri perhatian?

- Anda mesti menjawab soalan yang ditanya oleh kami dengan sepenuhnya dan tepat. Kegagalan dalam mengambil penjagaan munasabah dalam menjawab soalan-soalan boleh mengakibatkan penolakan tuntutan anda atau penamatan sijil anda.
- Jika anda memutuskan untuk tidak mengambil sijil takaful dalam tempoh 15 hari selepas sijil dihantarkan kepada anda, anda boleh menghubungi kami untuk membatalkan sijil anda dan menerima bayaran balik penuh (tolak sebarang perbelanjaan pemeriksaan perubatan yang ditanggung).
- Perlindungan anda hanya akan bermula 30 hari dari tarikh kuat kuasa atau tarikh kuat kuasa semula sijil takaful, mana-mana yang terkemudian, bagi penyakit selain daripada penyakit tertentu. Bagi penyakit tertentu, perlindungan anda hanya akan bermula 120 hari selepas tarikh kuat kuasa atau kuat kuasa semula sijil takaful, mana-mana yang terkemudian.
- Yuran pengurusan<sup>3</sup> yang perlu anda bayar adalah RM[35% daripada caruman anda] atau 35% daripada caruman takaful tahunan, yang diperuntukkan sepenuhnya kepada perbelanjaan pentadbiran. Butiran keseluruhan boleh didapati dalam jadual Caruman Takaful, Yuran & Caj dalam Lampiran dengan mengimbas kod QR di atas.

<sup>3</sup>Angka-angka ini adalah berdasarkan caruman takaful semasa pada umur dicapai.



**Senarai di atas adalah tidak lengkap.** Sila rujuk kepada Sijil untuk senarai penuh terma dan syarat di bawah pelan ini.

## Langkah 5

### Sudahkah anda pertimbangkan produk lain yang mungkin sesuai dengan keperluan anda?

Jadual Pilihan Produk

	Produk Disyorkan	Pilihan Produk Alternatif	
		Pilihan 1 MediKad [Pelan]	Pilihan 2 MediKad [Pelan]
Caruman Takaful Tahunan	RM[caruman anda]	RM[caruman Pilihan 1] Caruman takaful tahunan adalah [lebih rendah/lebih tinggi] sebanyak RM[caruman anda - caruman pilihan 1]	RM[caruman Pilihan 2] Caruman takaful tahunan adalah [lebih rendah/lebih tinggi] sebanyak RM[caruman anda - caruman pilihan 2]
Jenis	Kemudahan tanpa tunai	Kemudahan tanpa tunai	Kemudahan tanpa tunai
Tempoh	Sehingga 85 ANB	Sehingga 85 ANB	Sehingga 85 ANB

# Helaian Penerangan Produk

## myMediShare



Perlindungan	Pembaharuan adalah dijamin tetapi kadar caruman takaful adalah tidak dijamin	Pembaharuan adalah dijamin tetapi kadar caruman takaful adalah tidak dijamin	Pembaharuan adalah dijamin tetapi kadar caruman takaful adalah tidak dijamin
Ko-Takaful <sup>4</sup> /Deduktibel <sup>5</sup>	Ko-Takaful: [5/10]% sehingga RM[500/1,000], setiap tahun sijil	Deduktibel: RM2,000 setiap keilatan	-
Bilik & Penginapan Hospital	RM[Bilik & Penginapan pilihan anda] setiap hari	RM[Bilik & Penginapan] setiap hari	RM[Bilik & Penginapan] setiap hari
Yuran Pembedahan <sup>6</sup>	Seperti yang dicaj	Seperti yang dicaj	Seperti yang dicaj
Had Tahunan <sup>7</sup>	RM[Had tahunan]	RM[Had tahunan]	RM[Had tahunan]
Had Seumur Hidup <sup>8</sup>	Tiada had seumur hidup	Tiada had seumur hidup	Tiada had seumur hidup

**<sup>4</sup> Ko-Takaful:** Peratus tetap daripada caj perubatan yang anda perlu bayar. Contohnya, [5/10]% Ko-Takaful bermakna anda hanya perlu membayar [5/10]% daripada bil perubatan terhad kepada RM[500/1,000] bagi setiap tahun sijil, dan kami akan menanggung bakinya.

**<sup>5</sup> Deduktibel:** Jumlah tetap yang anda perlu bayar bagi setiap satu keilatan sebelum kami membayar mana-mana manfaat di bawah pelan. Contohnya, RM3,000 deduktibel bermakna anda perlu membayar RM3,000 daripada poket anda sendiri dan kami akan membayar bakinya (terhad kepada had yang berkaitan).

**<sup>6</sup> Yuran Pembedahan:** Ini adalah tertakluk kepada Ko-Takaful/Deduktibel.

**<sup>7</sup> Had Tahunan:** Jumlah maksimum yang anda boleh tuntut dalam setahun.

**<sup>8</sup> Had Seumur Hidup:** Jumlah maksimum yang anda boleh tuntut sepanjang tempoh perlindungan.

Jadual ini tidak memaparkan kesemua ciri-ciri produk yang dibandingkan. Sila rujuk kepada pihak kami/wakil jualan anda untuk maklumat lebih lanjut mengenai perbezaan ciri-ciri produk-produk ini.

### Pengakuan Pelanggan\*

Sila pastikan anda mengisi bahagian ini sendiri dan anda sedar akan tujuan tandatangan anda.

Saya sudah membaca dan memahami informasi penting yang terdapat dalam Helaian Penerangan Produk ini.

\* Pengakuan anda terhadap Helaian Penerangan Produk ini tidak akan menjaskan hak anda untuk mendapatkan ganti rugi sekiranya berlaku sebarang pertikaian berkaitan terma dan syarat produk.

Nama: [Nama anda]

Tarikh: [Tarikh]



Sila baca Lampiran ini dengan teliti.

## Isi Kandungan

	Halaman
Konsep Syariah .....	1
Jadual Manfaat .....	2
Caruman Takaful, Yuran & Caj .....	3
Terma & Syarat Utama .....	3
Pertanyaan.....	4

### ► Konsep Syariah

Pelan ini adalah produk patuh Syariah dengan konsep-konsep Syariah berikut:



#### Tabarru'

**Derma untuk tujuan kebajikan.**

Di bawah pelan ini, anda menderma suatu amaun daripada caruman takaful ke dalam Tabung Takaful, untuk membantu peserta lain. Tabarru' berkuat kuasa apabila peserta mencarum ke dalam Tabung Takaful.



#### Wakalah

**Kontrak di mana satu pihak, sebagai prinsipal, memberi kuasa kepada satu pihak yang lain sebagai wakilnya untuk melaksanakan tugas tertentu dalam hal-hal yang boleh diwakilkan, dengan atau tanpa mengenakan upah.**

Di bawah pelan ini, anda memberi kuasa kepada kami untuk menguruskan sijil dan sebagai balasannya, kami akan menerima yuran pengurusan.



#### Qard

**Pinjaman tanpa sebarang faedah.**

Di bawah pelan ini, kami akan meminjamkan sejumlah wang ke dalam Tabung Takaful tanpa faedah sekiranya tabung tersebut mengalami defisit untuk membayar tuntutan.



#### Hibah

**Pemindahan hak milik aset dari penderma kepada penerima tanpa apa-apa balasan.**

Di bawah pelan ini, manfaat yang akan dibayar dari Tabung Takaful adalah berdasarkan Hibah.

## ► Jadual Manfaat

No.	Manfaat	Jumlah Manfaat [pelan pilihan anda]
Bahagian A: Manfaat Pesakit Dalam dan Pembedahan Harian		
1.	Bilik dan Penginapan Harian di Hospital <i>(Tiada had bilangan hari)</i>	RM[Bilik & Penginapan]
2.	Unit Rawatan Rapi <i>(Maksimum 60 hari bagi mana-mana satu keilatan)</i>	
3.	Yuran Pembedahan	
4.	Yuran Pakar Bius	
5.	Bilik Bedah	Seperti yang dicaj, tertakluk kepada Ko-Takaful
6.	Bekalan dan Perkhidmatan Hospital	
7.	Lawatan Pakar Perubatan dan Pakar Dalam Hospital	
8.	Yuran Ambulans	
9.	Pembedahan Harian	
10.	Elaun Tunai Harian di Hospital Kerajaan Malaysia <i>(Tiada had bilangan hari)</i>	RM[Elaun Tunai Harian]
Bahagian B: Manfaat Pesakit Luar		
11.	Manfaat Sebelum Penghospitalan <i>(Dalam 60 hari sebelum penghospitalan)</i>	Seperti yang dicaj, tertakluk kepada Ko-Takaful
12.	Manfaat Selepas Penghospitalan <i>(Dalam 90 hari selepas pelepasan)</i>	
13.	Rawatan Kecemasan Pesakit Luar Akibat Kemalangan <i>(Maksimum 60 hari daripada tarikh kemalangan)</i>	
14.	Rawatan Kanser Pesakit Luar	Seperti yang dicaj
15.	Rawatan Dialisis Buah Pinggang Pesakit Luar	
Had Tahunan Keseluruhan (untuk Bahagian A & B)		RM[Had Tahunan]

**Nota:**

- Semua manfaat adalah seperti yang dicaj berdasarkan caj yang munasabah dan lazim di Malaysia, tertakluk kepada Ko-Takaful dan had tahunan keseluruhan. Tiada had seumur hidup dikenakan.
- Terdapat [5/10]% Ko-Takaful sehingga RM[500/1,000], iaitu jumlah yang anda perlu bayar untuk setiap tahun sebelum mana-mana manfaat dibayar oleh kami.



Had Ko-Takaful akan **dikecualikan** sekiranya orang yang dilindungi dimasukkan ke atau mendapatkan rawatan di mana-mana Hospital Kerajaan di Malaysia.

## ► Caruman Takaful, Yuran & Caj

Caruman takaful yang anda perlu bayar di bawah pelan ini berbeza berdasarkan umur dicapai orang yang dilindungi.

Sila rujuk butiran jumlah caruman takaful [\[bulanan/tahunan\]](#) untuk orang yang dilindungi di bawah:

Umur Dicapai (Hari Lahir Akan Datang)	Jumlah Caruman Takaful (RM)	Yuran Pengurusan (RM)
[umur]	[caruman anda]	[35% daripada caruman anda]

*[Caruman adalah berdasarkan umur dicapai orang yang dilindungi dan pelan yang dipilih. Sila rujuk jadual caruman.]*

- Anda boleh memilih untuk membuat bayaran secara tahunan atau bulanan. Walau bagaimanapun, jumlah amaun yang perlu dibayar dengan mod pembayaran bulanan akan lebih tinggi daripada jumlah amaun yang perlu dibayar dengan mod pembayaran tahunan.
- Caruman takaful tambahan boleh dikenakan bergantung kepada pekerjaan dan keadaan kesihatan orang yang dilindungi.
- Caruman takaful yang dibayar setelah ditolak yuran pengurusan akan dianggap sebagai Tabarru' dan akan dikreditkan ke dalam Tabung Takaful. Tabarru' berbeza bergantung kepada umur dicapai dan jantina orang yang dilindungi. Walau bagaimanapun, Tabarru' adalah tidak dijamin.



**Caruman takaful adalah tidak dijamin.** Caruman takaful mungkin diselaraskan berdasarkan portfolio dengan mengambil kira inflasi perubatan dan sebarang faktor lain yang boleh menjelaskan kemampuan portfolio secara material. Kami akan memaklumkan anda sekurang-kurangnya 30 hari sebelum sebarang penyelesaian caruman takaful.

## ► Terma & Syarat Utama

<b>Tempoh Tangguh</b>	Anda mempunyai 30 hari dari tarikh pembayaran caruman takaful (termasuk) untuk membayar setiap caruman takaful yang perlu dibayar. Sekiranya caruman takaful tidak dibayar pada akhir tempoh tangguh, sijil anda akan luput dan orang yang dilindungi tidak akan mempunyai sebarang perlindungan takaful.
<b>Kuat Kuasa Semula</b>	Sekiranya sijil anda telah luput akibat caruman takaful tidak dibayar, anda boleh menguat kuasa semula sijil tersebut pada bila-bila masa dalam 1 tahun dari tarikh luput, tertakluk kepada syarat-syarat kami.
<b>Serahan</b>	Sekiranya anda memilih untuk menyerahkan sijil anda selepas tempoh penelitian percuma 15 hari kalender, anda berhak untuk mendapat sebahagian daripada bayaran balik caruman takaful seperti yang ditentukan oleh kami dengan syarat anda tidak membuat sebarang tuntutan untuk tahun sijil semasa. Bahagian bayaran balik caruman takaful ialah 75% daripada jumlah caruman takaful, berdasarkan kepada umur dicapai anda semasa penyerahan dan berkadar dengan baki tempoh perlindungan.
<b>Naik Taraf Bilik dan Penginapan</b>	Sekiranya orang yang dilindungi dimasukkan ke hospital di bilik dan penginapan yang lebih tinggi daripada had manfaat bilik dan penginapan beliau, peserta perlu membayar perbezaan dalam caj bilik dan penginapan dan had tersebut.

## Lain-lain

- a) Perlindungan ke atas orang yang dilindungi akan berkuat kuasa selepas permohonan berjaya dan caruman takaful pertama telah dibuat. Tarikh kuat kuasa akan dinyatakan dalam e-Sijil anda yang akan anda terima serta-merta.
- b) Untuk memastikan perlindungan berterusan di bawah sijil anda, caruman takaful anda akan ditolak secara automatik daripada kad debit / kredit yang anda pilih berdasarkan mod pembayaran caruman takaful yang telah anda pilih.
- c) Resit akan dikeluarkan untuk caruman takaful yang dibuat ke alamat e-mel anda seperti yang didaftarkan dengan kami. Adalah penting untuk anda menyimpan resit tersebut sebagai bukti pembayaran caruman takaful.
- d) Sekiranya insiden berlaku yang menyebabkan tuntutan, anda hendaklah memberitahu kami dengan segera. Anda boleh merujuk prosedur tuntutan dalam Sijil.



Senarai di atas adalah tidak lengkap. Sila rujuk kepada Sijil untuk senarai penuh terma dan syarat di bawah pelan ini.

## ► Pertanyaan

Adalah penting untuk anda mengemas kini di portal myTakaful Customer atau memaklumkan kepada Kami sekiranya terdapat sebarang perubahan ke atas maklumat untuk dihubungi anda bagi memastikan semua urusan surat-menjurut sampai kepada anda tepat pada masanya.

Sila rujuk laman web kami di <https://www.takaful-malaysia.com.my/> atau sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai produk Takaful Perubatan & Kesihatan, sila hubungi Takaful Malaysia di:

### **Syarikat Takaful Malaysia Keluarga Berhad [198401019089 (131646-K)]**

Tingkat 27, Blok Annex, Menara Takaful Malaysia, No. 4,  
Jalan Sultan Sulaiman, 50000 Kuala Lumpur.  
Peti Surat 11483, 50746 Kuala Lumpur.

1-300 88 252 385

csu@takaful-malaysia.com.my



### **NOTA PENTING:**

**PENYERTAAN DALAM PELAN TAKAFUL KELUARGA ADALAH KOMITMEN KEWANGAN JANGKA PANJANG. ANDA HARUS MEMILIH JENIS PELAN YANG BERSESUAIAN DENGAN KEADAAN PERIBADI ANDA. ANDA HARUS MEMBACA DAN MEMAHAMI SIJIL TAKAFUL DAN HUBUNGI TAKAFUL MALAYSIA SECARA TERUS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.**

**MANFAAT-MANFAAT YANG DIBAYAR DI BAWAH SIJIL YANG LAYAK ADALAH DILINDUNGİ OLEH PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA (PIDM) SEHINGGA HAD PERLINDUNGAN. SILA RUJUK BROSUR SISTEM PERLINDUNGAN MANFAAT TAKAFUL DAN INSURANS ("TIPS") PIDM ATAU HUBUNGI TAKAFUL MALAYSIA ATAU PIDM (LAYARI [WWW.PIDM.GOV.MY](http://WWW.PIDM.GOV.MY)).**

### **Pelan ini diuruskan oleh:**

Syarikat Takaful Malaysia Keluarga Berhad [198401019089 (131646-K)] ('Takaful Malaysia') adalah dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan diselia oleh Bank Negara Malaysia.

Maklumat yang dinyatakan dalam helaian penerangan produk ini adalah berkuat kuasa pada Disember 2024.

### Jadual Caruman

#### Caruman Tahunan bagi myMediShare (Lelaki)

Age	P150	P200	P250	P300	P350	P400	P500
<b>6 - 10</b>	597.00	708.00	885.00	1,018.00	1,171.00	1,346.00	1,548.00
<b>11 - 15</b>	479.00	569.00	711.00	817.00	940.00	1,080.00	1,242.00
<b>16 - 20</b>	576.00	666.00	832.00	957.00	1,100.00	1,265.00	1,455.00
<b>21 - 25</b>	607.00	674.00	842.00	968.00	1,114.00	1,281.00	1,473.00
<b>26 - 30</b>	584.00	643.00	804.00	924.00	1,063.00	1,222.00	1,405.00
<b>31 - 35</b>	590.00	738.00	923.00	1,061.00	1,221.00	1,404.00	1,614.00
<b>36 - 40</b>	709.00	769.00	961.00	1,105.00	1,271.00	1,461.00	1,680.00
<b>41 - 45</b>	825.00	994.00	1,242.00	1,429.00	1,643.00	1,889.00	2,172.00
<b>46 - 50</b>	1,172.00	1,269.00	1,586.00	1,824.00	2,097.00	2,412.00	2,774.00
<b>51 - 55</b>	1,366.00	1,525.00	1,907.00	2,193.00	2,521.00	2,900.00	3,334.00
<b>56 - 59</b>	1,840.00	2,004.00	2,505.00	2,881.00	3,313.00	3,809.00	4,381.00
<b>60 - 64</b>	2,993.00	3,436.00	4,295.00	4,940.00	5,680.00	6,532.00	7,512.00
<b>65 - 69</b>	5,168.00	5,927.00	7,408.00	8,519.00	9,797.00	11,266.00	12,956.00
<b>70 - 74</b>	6,523.00	7,911.00	9,888.00	11,371.00	13,077.00	15,038.00	17,294.00
<b>75 - 79</b>	9,549.00	11,313.00	14,142.00	16,263.00	18,702.00	21,507.00	24,733.00
<b>80 - 85</b>	11,524.00	13,976.00	17,470.00	20,090.00	23,104.00	26,569.00	30,555.00

Umur di atas adalah berdasarkan umur pada hari lahir akan datang; dan caruman adalah berdasarkan Ko-Takaful 5% dan kes standard.

Diskaun caruman sebanyak 5% akan dikenakan bagi Ko-Takaful 10%.

#### Caruman Tahunan bagi myMediShare (Perempuan)

Age	P150	P200	P250	P300	P350	P400	P500
<b>6 - 10</b>	519.00	575.00	719.00	826.00	950.00	1,093.00	1,257.00
<b>11 - 15</b>	408.00	471.00	589.00	677.00	778.00	895.00	1,029.00
<b>16 - 20</b>	500.00	577.00	721.00	829.00	953.00	1,096.00	1,260.00
<b>21 - 25</b>	516.00	600.00	750.00	862.00	992.00	1,140.00	1,311.00
<b>26 - 30</b>	546.00	635.00	794.00	913.00	1,050.00	1,207.00	1,388.00
<b>31 - 35</b>	635.00	761.00	951.00	1,094.00	1,258.00	1,446.00	1,663.00
<b>36 - 40</b>	713.00	857.00	1,071.00	1,231.00	1,416.00	1,628.00	1,872.00
<b>41 - 45</b>	920.00	1,102.00	1,378.00	1,584.00	1,822.00	2,095.00	2,409.00
<b>46 - 50</b>	1,200.00	1,433.00	1,791.00	2,059.00	2,368.00	2,723.00	3,132.00
<b>51 - 55</b>	1,427.00	1,751.00	2,188.00	2,516.00	2,894.00	3,327.00	3,827.00
<b>56 - 59</b>	1,921.00	2,259.00	2,824.00	3,248.00	3,735.00	4,295.00	4,939.00
<b>60 - 64</b>	3,219.00	3,522.00	4,403.00	5,063.00	5,822.00	6,696.00	7,700.00
<b>65 - 69</b>	4,980.00	6,118.00	7,647.00	8,794.00	10,113.00	11,630.00	13,374.00
<b>70 - 74</b>	7,029.00	8,119.00	10,149.00	11,671.00	13,422.00	15,435.00	17,750.00
<b>75 - 79</b>	9,345.00	11,065.00	13,831.00	15,905.00	18,291.00	21,035.00	24,190.00
<b>80 - 85</b>	11,280.00	13,669.00	17,086.00	19,649.00	22,596.00	25,985.00	29,883.00

Umur di atas adalah berdasarkan umur pada hari lahir akan datang; dan caruman adalah berdasarkan Ko-Takaful 5% dan kes standard.

Diskaun caruman sebanyak 5% akan dikenakan bagi Ko-Takaful 10%.

## Caruman Bulanan bagi myMediShare (Lelaki)

<b>Age</b>	<b>P150</b>	<b>P200</b>	<b>P250</b>	<b>P300</b>	<b>P350</b>	<b>P400</b>	<b>P500</b>
<b>6 - 10</b>	54.92	65.14	81.42	93.66	107.73	123.83	142.42
<b>11 - 15</b>	44.07	52.35	65.41	75.16	86.48	99.36	114.26
<b>16 - 20</b>	52.99	61.27	76.54	88.04	101.20	116.38	133.86
<b>21 - 25</b>	55.84	62.01	77.46	89.06	102.49	117.85	135.52
<b>26 - 30</b>	53.73	59.16	73.97	85.01	97.80	112.42	129.26
<b>31 - 35</b>	54.28	67.90	84.92	97.61	112.33	129.17	148.49
<b>36 - 40</b>	65.23	70.75	88.41	101.66	116.93	134.41	154.56
<b>41 - 45</b>	75.90	91.45	114.26	131.47	151.16	173.79	199.82
<b>46 - 50</b>	107.82	116.75	145.91	167.81	192.92	221.90	255.21
<b>51 - 55</b>	125.67	140.30	175.44	201.76	231.93	266.80	306.73
<b>56 - 59</b>	169.28	184.37	230.46	265.05	304.80	350.43	403.05
<b>60 - 64</b>	275.36	316.11	395.14	454.48	522.56	600.94	691.10
<b>65 - 69</b>	475.46	545.28	681.54	783.75	901.32	1,036.47	1,191.95
<b>70 - 74</b>	600.12	727.81	909.70	1,046.13	1,203.08	1,383.50	1,591.05
<b>75 - 79</b>	878.51	1,040.80	1,301.06	1,496.20	1,720.58	1,978.64	2,275.44
<b>80 - 85</b>	1,060.21	1,285.79	1,607.24	1,848.28	2,125.57	2,444.35	2,811.06

Umur di atas adalah berdasarkan umur pada hari lahir akan datang; dan caruman adalah berdasarkan Ko-Takaful 5% dan kes standard.

Diskaun caruman sebanyak 5% akan dikenakan bagi Ko-Takaful 10%.

## Caruman Bulanan bagi myMediShare (Perempuan)

<b>Age</b>	<b>P150</b>	<b>P200</b>	<b>P250</b>	<b>P300</b>	<b>P350</b>	<b>P400</b>	<b>P500</b>
<b>6 - 10</b>	47.75	52.90	66.15	75.99	87.40	100.56	115.64
<b>11 - 15</b>	37.54	43.33	54.19	62.28	71.58	82.34	94.67
<b>16 - 20</b>	46.00	53.08	66.33	76.27	87.68	100.83	115.92
<b>21 - 25</b>	47.47	55.20	69.00	79.30	91.26	104.88	120.61
<b>26 - 30</b>	50.23	58.42	73.05	84.00	96.60	111.04	127.70
<b>31 - 35</b>	58.42	70.01	87.49	100.65	115.74	133.03	153.00
<b>36 - 40</b>	65.60	78.84	98.53	113.25	130.27	149.78	172.22
<b>41 - 45</b>	84.64	101.38	126.78	145.73	167.62	192.74	221.63
<b>46 - 50</b>	110.40	131.84	164.77	189.43	217.86	250.52	288.14
<b>51 - 55</b>	131.28	161.09	201.30	231.47	266.25	306.08	352.08
<b>56 - 59</b>	176.73	207.83	259.81	298.82	343.62	395.14	454.39
<b>60 - 64</b>	296.15	324.02	405.08	465.80	535.62	616.03	708.40
<b>65 - 69</b>	458.16	562.86	703.52	809.05	930.40	1,069.96	1,230.41
<b>70 - 74</b>	646.67	746.95	933.71	1,073.73	1,234.82	1,420.02	1,633.00
<b>75 - 79</b>	859.74	1,017.98	1,272.45	1,463.26	1,682.77	1,935.22	2,225.48
<b>80 - 85</b>	1,037.76	1,257.55	1,571.91	1,807.71	2,078.83	2,390.62	2,749.24

Umur di atas adalah berdasarkan umur pada hari lahir akan datang; dan caruman adalah berdasarkan Ko-Takaful 5% dan kes standard.

Diskaun caruman sebanyak 5% akan dikenakan bagi Ko-Takaful 10%.

**Caruman Tahunan bagi MediBooster (Lelaki)**

Age	P150	P200	P250	P300	P350	P400	P500
<b>6 - 10</b>	178.00	159.00	159.00	159.00	159.00	159.00	159.00
<b>11 - 15</b>	143.00	128.00	128.00	128.00	128.00	128.00	128.00
<b>16 - 20</b>	168.00	150.00	150.00	150.00	150.00	150.00	150.00
<b>21 - 25</b>	169.00	151.00	151.00	151.00	151.00	151.00	151.00
<b>26 - 30</b>	169.00	151.00	151.00	151.00	151.00	151.00	151.00
<b>31 - 35</b>	184.00	174.00	174.00	174.00	174.00	174.00	174.00
<b>36 - 40</b>	192.00	182.00	182.00	182.00	182.00	182.00	182.00
<b>41 - 45</b>	248.00	234.00	234.00	234.00	234.00	234.00	234.00
<b>46 - 50</b>	316.00	299.00	299.00	299.00	299.00	299.00	299.00
<b>51 - 55</b>	380.00	359.00	359.00	359.00	359.00	359.00	359.00
<b>56 - 59</b>	499.00	472.00	472.00	472.00	472.00	472.00	472.00
<b>60 - 64</b>	855.00	809.00	809.00	809.00	809.00	809.00	809.00
<b>65 - 69</b>	1,475.00	1,395.00	1,395.00	1,395.00	1,395.00	1,395.00	1,395.00
<b>70 - 74</b>	1,969.00	1,862.00	1,862.00	1,862.00	1,862.00	1,862.00	1,862.00
<b>75 - 79</b>	2,816.00	2,664.00	2,664.00	2,664.00	2,664.00	2,664.00	2,664.00
<b>80 - 85</b>	3,478.00	3,290.00	3,290.00	3,290.00	3,290.00	3,290.00	3,290.00

Umur di atas adalah berdasarkan umur pada hari lahir akan datang dan caruman adalah berdasarkan kes standard.

**Caruman Tahunan bagi MediBooster (Perempuan)**

Age	P150	P200	P250	P300	P350	P400	P500
<b>6 - 10</b>	158.00	143.00	143.00	143.00	143.00	143.00	143.00
<b>11 - 15</b>	130.00	117.00	117.00	117.00	117.00	117.00	117.00
<b>16 - 20</b>	158.00	143.00	143.00	143.00	143.00	143.00	143.00
<b>21 - 25</b>	167.00	149.00	149.00	149.00	149.00	149.00	149.00
<b>26 - 30</b>	167.00	149.00	149.00	149.00	149.00	149.00	149.00
<b>31 - 35</b>	189.00	179.00	179.00	179.00	179.00	179.00	179.00
<b>36 - 40</b>	214.00	203.00	203.00	203.00	203.00	203.00	203.00
<b>41 - 45</b>	275.00	260.00	260.00	260.00	260.00	260.00	260.00
<b>46 - 50</b>	357.00	338.00	338.00	338.00	338.00	338.00	338.00
<b>51 - 55</b>	436.00	413.00	413.00	413.00	413.00	413.00	413.00
<b>56 - 59</b>	562.00	532.00	532.00	532.00	532.00	532.00	532.00
<b>60 - 64</b>	877.00	829.00	829.00	829.00	829.00	829.00	829.00
<b>65 - 69</b>	1,523.00	1,440.00	1,440.00	1,440.00	1,440.00	1,440.00	1,440.00
<b>70 - 74</b>	2,021.00	1,912.00	1,912.00	1,912.00	1,912.00	1,912.00	1,912.00
<b>75 - 79</b>	2,754.00	2,605.00	2,605.00	2,605.00	2,605.00	2,605.00	2,605.00
<b>80 - 85</b>	3,402.00	3,218.00	3,218.00	3,218.00	3,218.00	3,218.00	3,218.00

Umur di atas adalah berdasarkan umur pada hari lahir akan datang dan caruman adalah berdasarkan kes standard.

**Caruman Bulanan bagi MediBooster (Lelaki)**

<b>Age</b>	<b>P150</b>	<b>P200</b>	<b>P250</b>	<b>P300</b>	<b>P350</b>	<b>P400</b>	<b>P500</b>
<b>6 - 10</b>	16.38	14.63	14.63	14.63	14.63	14.63	14.63
<b>11 - 15</b>	13.16	11.78	11.78	11.78	11.78	11.78	11.78
<b>16 - 20</b>	15.46	13.80	13.80	13.80	13.80	13.80	13.80
<b>21 - 25</b>	15.55	13.89	13.89	13.89	13.89	13.89	13.89
<b>26 - 30</b>	15.55	13.89	13.89	13.89	13.89	13.89	13.89
<b>31 - 35</b>	16.93	16.01	16.01	16.01	16.01	16.01	16.01
<b>36 - 40</b>	17.66	16.74	16.74	16.74	16.74	16.74	16.74
<b>41 - 45</b>	22.82	21.53	21.53	21.53	21.53	21.53	21.53
<b>46 - 50</b>	29.07	27.51	27.51	27.51	27.51	27.51	27.51
<b>51 - 55</b>	34.96	33.03	33.03	33.03	33.03	33.03	33.03
<b>56 - 59</b>	45.91	43.42	43.42	43.42	43.42	43.42	43.42
<b>60 - 64</b>	78.66	74.43	74.43	74.43	74.43	74.43	74.43
<b>65 - 69</b>	135.70	128.34	128.34	128.34	128.34	128.34	128.34
<b>70 - 74</b>	181.15	171.30	171.30	171.30	171.30	171.30	171.30
<b>75 - 79</b>	259.07	245.09	245.09	245.09	245.09	245.09	245.09
<b>80 - 85</b>	319.98	302.68	302.68	302.68	302.68	302.68	302.68

Umur di atas adalah berdasarkan umur pada hari lahir akan datang dan caruman adalah berdasarkan kes standard.

**Caruman Bulanan bagi MediBooster (Perempuan)**

<b>Age</b>	<b>P150</b>	<b>P200</b>	<b>P250</b>	<b>P300</b>	<b>P350</b>	<b>P400</b>	<b>P500</b>
<b>6 - 10</b>	14.54	13.16	13.16	13.16	13.16	13.16	13.16
<b>11 - 15</b>	11.96	10.76	10.76	10.76	10.76	10.76	10.76
<b>16 - 20</b>	14.54	13.16	13.16	13.16	13.16	13.16	13.16
<b>21 - 25</b>	15.36	13.71	13.71	13.71	13.71	13.71	13.71
<b>26 - 30</b>	15.36	13.71	13.71	13.71	13.71	13.71	13.71
<b>31 - 35</b>	17.39	16.47	16.47	16.47	16.47	16.47	16.47
<b>36 - 40</b>	19.69	18.68	18.68	18.68	18.68	18.68	18.68
<b>41 - 45</b>	25.30	23.92	23.92	23.92	23.92	23.92	23.92
<b>46 - 50</b>	32.84	31.10	31.10	31.10	31.10	31.10	31.10
<b>51 - 55</b>	40.11	38.00	38.00	38.00	38.00	38.00	38.00
<b>56 - 59</b>	51.70	48.94	48.94	48.94	48.94	48.94	48.94
<b>60 - 64</b>	80.68	76.27	76.27	76.27	76.27	76.27	76.27
<b>65 - 69</b>	140.12	132.48	132.48	132.48	132.48	132.48	132.48
<b>70 - 74</b>	185.93	175.90	175.90	175.90	175.90	175.90	175.90
<b>75 - 79</b>	253.37	239.66	239.66	239.66	239.66	239.66	239.66
<b>80 - 85</b>	312.98	296.06	296.06	296.06	296.06	296.06	296.06

Umur di atas adalah berdasarkan umur pada hari lahir akan datang dan caruman adalah berdasarkan kes standard.